


**INDEKS KENAIKAN PANGKAT UiTM PERAK BERWAJARAN SEBAGAI
PENAMBAHBAIKAN PENGUKURAN KENAIKAN PANGKAT PENSYARAH**



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA PERAK
MALAYSIA**

OLEH

PM Dr Mohd Fauzi bin Mohd Harun (Ketua)

PM Dr Abdul Malek Tambi, Dr Hazliza Haron,

Jamaludin Yahaya, Sofiah Molek Lope Aman, Nor Zarina Mohd Salim,

Nursaadatun Nisak Ahmad, Siti Daleela Mohd Wahid, Riza Emifazura Jaafar, Zarifah Fadilah Ramli

Norsilawati Mohd Hassan, Norwahida Musa, Nur Lailatul Husna M Yusuf, Zarul Azhar Nasir

JULAI 2011

PENGHARGAAN

Segala pujian bagi Allah, Tuhan sekelian alam, selawat dan salam untuk junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, hamba dan rasul-Nya yang membimbang manusia daripada kegelapan kepada hidup yang penuh bermakna. Alhamdulillah, akhirnya penyelidikan ini telah dapat kami siapkan dengan jayanya. Adalah menjadi harapan kami dapatkan kajian ini dapat dimanfaatkan oleh Panel Kesepakaran UiTM Perak dalam penilaian kenaikan pangkat pensyarah.

Dalam menjayakan kajian ini terlebih dahulu kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Ybh Rektor UiTM Perak Prof Ir Dr Hajah Zainab Mohamed yang telah memberi sokongan yang begitu menggalakkan sama ada dari segi buah fikiran, cadangan-cadangan yang membina serta ruang yang cukup luas bagi aktiviti penyelidikan. Penghargaan yang sama juga ditujukan kepada Timbalan Rektor Penyelidikan Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni UiTM Perak Prof Madya Dr Norlizaiha Haron kerana telah menerima kajian ini sebagai kajian yang berdaftar dengan RMU.

Akhir sekali, kajian ini membuktikan sokongan kami para pensyarah terhadap pengurusan UiTM Perak dalam usaha penambahbaikan ke arah pencapaian visi dan misi universiti autonomi yang tersohor.



(PM Dr Mohd Fauzi Mohd Harun)

ABSTRAK

Penilaian untuk tujuan kenaikan pangkat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) selain daripada tujuh kriteria asas turut dinilai oleh pelajar (SUFO), rakan sekerja (CCQ) dan pemantauan. Bagi SUFO, CCQ dan pemantauan markah penilaianya diukur secara berasingan dan keadaan ini telah menyukarkan panel kesepakaran untuk menentukan calon manakah yang lebih baik dalam sesuatu pemilihan kenaikan pangkat. Bagi mengatasi kelemahan ini penyelidik mencadangkan dibentuk sebuah indeks yang dikenali sebagai Indeks Kenaikan Pangkat UiTM Perak Berwajaran. Indeks ini adalah merupakan indeks komposit yang merangkumi ketiga-tiga sub indeksnya iaitu indeks bagi SUFO, indeks CCQ dan indeks pemantauan. Ini bermakna hanya terdapat satu nilai indeks bagi setiap calon yang menggabungkan markah ketiga-tiga perkara tersebut. Indeks yang dicadangkan ini juga adalah merupakan indeks berwajaran dengan pemberat yang berbeza bagi menggambarkan tahap kepentingan yang berbeza bagi SUFO, CCQ dan pemantauan. Dapatan kajian mencatatkan SUFO adalah paling penting dengan nilai pemberat sebanyak 0.353 diikuti oleh CCQ dengan nilai 0.352 dan 0.297 bagi pemantauan. Kedudukan seorang calon dapat ditentukan dengan memasukkan nilai pemberat kedalam persamaan indeks dan seterusnya dibandingkan dengan satu pengukuran piawai. Penggunaan indeks ini dicadangkan kepada UiTM Perak dalam penentuan kenaikan pangkat pensyarah kerana kelebihan yang ada padanya. Antara kelebihan yang dikenalpasti ialah ketiga-tiga markah CCQ, SUFO dan pemantauan dapat digabungkan secara komposit ke dalam satu nilai indeks sahaja. Ini lebih mudah bagi panel kesepakaran membuat penilaian kerana telah mengurangkan amalan persepsi bagi perkara yang subjektif. Disamping itu, dengan nilai indeks yang dibandingkan dengan satu pengukuran piawai bermakna kesemua calon mendapat penilaian yang adil dan saksama kerana masalah perbezaan penilaian dalam kumpulan dan masa yang berbeza telah dapat diatasi.

KANDUNGAN

Halaman

PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	v
BAB I PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan dan Pernyataan Masalah	1
1.2 Objektif Kajian	4
BAB II PENGENALAN KEPADA CCQ,SUFO DAN PEMANTAUAN	
2.1 Pengenalan	5
2.1.1 Laporan Penilaian Rakan Sekerja (CCQ)	5
2.1.2 Laporan Penilaian Pensyarah (SUFO)	6
2.1.3 Laporan Penilaian Pemantauan Operasi Akademik	7
BAB III METHODOLOGI	
3.1 Pengenalan	9
3.2 Penentuan Wajaran UiTMPIw	10
3.3 Nilai Indeks UiTMPIw dan Keputusan Pencapaian Calon	12
3.4 Persampelan dan Saiz Sampel	13
3.4.1 Saiz Sampel	13
3.5 Instrumen Kajian	16

3.6	Teknik-teknik Analisis Data	16
-----	-----------------------------	----

BAB IV KEPUTUSAN HASIL KAJIAN

4.1	Pengenalan	17
4.2	Keputusan Kajian	17
4.3	Keputusan Skor dan Wajaran bagi CCQ, SUFO dan Pemantauan	23
4.4	Pengiraan Indeks Kenaikan Pangkat UiTM Perak Berwajaran	24

BAB V KESIMPULAN

5.1	Kesimpulan dan Kelebihan Penggunaan Indeks	26
-----	--	----

RUJUKAN

LAMPIRAN

Borang Soal Selidik Kajian

Borang Soal selidik CCQ

Borang Laporan Penilaian Pensyarah (SUFO)

Pemantauan Operasi Akademik

Data Kajian

Cetakan SPSS Keputusan Kajian